



# Infrastruktur bertaraf dunia

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**M**emasuki ulang tahun ke-60 samudutan kemerdekaan, rakyat menginginkan pelbagai kemudahan infrastruktur yang lebih moden seperti disediakan di negara maju lain di dunia.

Menyedari keperluan itu, bermula pada tahun 2010 kerajaan merencanakan Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk menyediakan infrastruktur rakyat (infrarakyat) yang merapatkan jurang bandar dan luar bandar.

GTP yang dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak itu menetapkan tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) termasuk mempertingkatkan pembangunan luar bandar dan mempertingkatkan pengangkutan awam bandar.

Bagi NKRA mempertingkatkan pembangunan luar bandar, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menjadi penggerak utama memainkan peranan penting menyediakan liputan infrastruktur di luar bandar terutama membabitkan jalan raya, air, elektrik dan rumah bagi golongan sasar.

## Program berjaya dilaksana

Antara program utama yang dijalankan bagi menjayakan NKRA mempertingkatkan pembangunan luar bandar itu adalah program Jalan Luar Bandar (JALB); Jalan Perhubungan Desa (JPD); Bekalan Air Luar Bandar (BALB); Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB); Lampu Jalan Kampung (LJK) dan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).

Sejak diperkenalkan pada tahun 2010, semua program itu kini membuahkan hasil seperti JALB yang mana dalam tempoh tujuh tahun (2010 hingga 2016) sebanyak 3,070 kilometer (km) jalan raya disiapkan yang memanfaatkan kira-kira satu juta penduduk luar bandar di seluruh negara.

Bagi program JPD atau dulunya dikenali sebagai jalan kampung, jalan sepanjang 1,834 kilometer berjaya disiapkan memberikan manfaat kepada lebih 450,000 pengguna dari 2013 hingga 30 Jun lalu.

Melalui program BELB, sebanyak 153,821 rumah di seluruh negara sudah dibekalkan elektrik, sekali gus memanfaatkan 769,105 pengguna melalui 101 projek.

Bagi tujuan pemasangan LJK sebanyak RM66.3 juta diperuntukkan sejak 2010 hingga tahun lalu dengan 128,688 LJK dipasang di seluruh negara.

Bagi BALB pula, bekalan air bersih dan terawat sudah diberikan kepada 350,094 rumah di seluruh negara dengan pelbagai faedah sebanyak 1.75 juta pengguna.

## Pertingkat pengangkutan awam bandar

Untuk kawasan bandar pula, program pembangunan infrastruktur lebih tertumpu kepada mempertingkatkan pengangkutan awam bandar yang mana kerja menaik taraf pengangkutan awam dilaksanakan sejak 2010.

Naik taraf ke atas infrastruktur pengangkutan awam negara kali terakhir pernah dilakukan secara besar-besaran lebih 10 tahun lalu, dengan pelancaran sistem LRT dan monorel pada pertengahan 1990-an.

Dalam tempoh selepas itu, penunjang laluan rel utama berdepan masalah kesesakan ketika waktu puncak, termasuk penumpang bas dan kereta api komuter KTMB.

Populasi dan pertumbuhan ekonomi semakin meningkat di Malaysia menyebabkan penggunaan kenderaan persendirian meningkat, sehingga menyasarkan rangkaian jalan raya ke tahap maksimum.

Justeru, bagi memberikan kualiti hidup yang lebih baik kepada penduduk bandar, kerajaan melaksanakan NKRA Pengangkutan Awam Bandar seiring Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Greater KL/Klang Valley yang mana pembinaan infrastruktur untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam bandar dimulakan pada 2011.

Melalui NKRA sama juga, kerajaan melancarkan projek ikonik, Transit Aliran Massa (MRT) yang mula menawarkan perkhidmatannya dalam fasa pertama pada Disember 2016 dan projek pemanjangan laluan rel LRT bagi laluan Kelana Jaya dan Ampang menampilkan pembaharuan berbentuk 'game-changer' dalam sistem pengangkutan awam.

Hasilnya kini MRT sudah mengangkut lebih sejuta penumpang sejak pelaksanaannya dan setakat akhir 2016, laluan LRT yang dipanjangkan mencatat kadar purata penumpang harian seramai lebih 260,000 orang dengan pelancarannya pada Jun 2016.

MRT laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) kini sudah selesai dan memberikan perkhidmatan kepada pengguna yang kebanyakannya berpuashati dengan kemudahan ditawarkan.



Selamat menyambut Hari Kemerdekaan Ke-60 buat semua rakyat Malaysia! Semoga negara terus maju jaya dan menjadi yang terbaik!"

Mira Filzah,  
Pelakon dan pengacara

